

Lampiran Penerangan Produk

Group Hospital and Surgical Insurance

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelanggan sekian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda maklumat utama mengenai insurans perubatan dan kesihatan.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya.**

1. Apakah Group Hospital and Surgical Insurance?

Group Hospital and Surgical Insurance adalah produk insurans yang memberi bayaran balik perbelanjaan kemasukan ke hospital dan pembedahan yang ditanggung atau manfaat yang disebabkan oleh penyakit atau kecederaan secara kemalangan pekerja-pekerja aktif anda, termasuk pasangan mereka dan/atau anak-anak (“Orang Yang Diinsuranskan”) yang dilindungi di bawah polisi ini. Produk ini boleh diambil bersama-sama dengan Outpatient Clinical Policy.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM1,000.00** setahun seorang Orang Yang Diinsuranskan, anda akan menerima perlindungan yang berikut:

Perlindungan	RM100,000 had tahunan keseluruhan seorang Orang Yang Diinsuranskan
Bilik Hospital & Makan Harian (sehingga bilangan nombor hari yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat)	RM350/ sehari
Unit Rawatan Rapi (sehingga bilangan nombor hari yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat)	Seperti yang dicaj
Bekalan & Perkhidmatan Hospital	Seperti yang dicaj
Bilik Bedah	Seperti yang dicaj
Perbelanjaan Pembedahan	Seperti yang dicaj
Perbelanjaan Pakar Anestetik	Seperti yang dicaj
Lawatan Hospital Harian Doktor (sehingga bilangan nombor hari yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat)	Seperti yang dicaj
Perkhidmatan Diagnostik Pra-Hospital	Seperti yang dicaj
Perundingan Pakar Pra-Hospital	Seperti yang dicaj
Rawatan Selepas Kemasukan Hospital / Rawatan Prosedur Susulan Penjagaan Harian	Seperti yang dicaj
Perlindungan Tambahan , tanpa premium tambahan sekiranya anda memilih untuk menyertakan mana-mana yang berikut:	Had tahunan keseluruhan seperti yang dinyatakan di atas
Prosedur Penjagaan Harian (Pembedahan & Perubatan)	Seperti yang dicaj
Rawatan Kecemasan Akibat Kemalangan Pesakit Luar	Seperti yang dicaj
Rawatan Pergigian Kecemasan Akibat Kemalangan	Seperti yang dicaj
Emergency Sickness Treatment	RM100/ kejadian
Yuran Ambulans	Seperti yang dicaj
Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan (sehingga nombor hari yang dinyatakan di Jadual Manfaat)	RM50 / sehari
Penjagaan Kejururawatan di Rumah (sehingga nombor hari yang dinyatakan di Jadual Manfaat)	RM100 / sehari
Yuran Laporan Perubatan	RM150/ laporan
Fisioterapi Pesakit Luar	Seperti yang dicaj
Pendapat Pembedahan Kedua	Seperti yang dicaj
Rawatan Tahunan Pesakit Luar Kanser	Seperti yang dicaj
Rawatan Tahunan Pesakit Luar Dialisis Buah Pinggang	Seperti yang dicaj
Pemindahan Organ	Sehingga RM10,000 sekali seumur hidup
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	RM1,000

Manfaat Penjaga Harian Anak Yang Diinsuranskan (sehingga nombor hari yang dinyatakan di Jadual Manfaat)	RM100/ sehari
Rawatan Penyakit Mental untuk Pesakit Dalam (Tahunan)	RM1,000
Nota: Sila baca kontrak polisi anda untuk butir-butir perlindungan	

<p>Insurans perubatan dan kesihatan anda tidak termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Keadaan sedia ada “Penyakit Tertentu” seperti hipertensi, kanser atau hernia, dalam 120 hari dari permulaan polisi Keadaan perubatan atau fizikal yang bukan kemalangan secara sengaja dalam 30 hari yang pertama dari permulaan polisi Prosedur elektif atau rawatan yang dilindungi oleh pekerjaan atau profesion insurans atau Kontrak Insurans Workman’s Compensation Pembedahan kosmetik/plastik, berkhatan, alat bantu penglihatan atau oral (kecuali kemalangan) dan pemerolehan prostetik Kejururawatan swasta, penawar rehat atau penjagaan sanitaria, dadah haram, mabuk, pensterilan, penyakit kelamin dan akibatnya, penyakit berkaitan AIDS or ARC and HIV, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang. Rawatan atau pembedahan untuk kecacatan kongenital atau keabnormalan Kehamilan, bersalin, melahirkan anak, kesuburan, kontrasepsi, mati pucuk Kemasukan ke hospital untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan untuk sinar-X, fizikal atau perubatan am, penjagaan pencegahan atau rawatan berkaitan berat badan Perbelanjaan bukan perubatan seperti televisyen, telefon atau kemudahan yang serupa Penyakit atau kecederaan daripada sukan berbahaya atau perbuatan haram Bunuh diri / mencederakan diri sendiri Penerbangan persendirian (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang) Peperangan, keganasan atau aktiviti jenayah, semasa bertugas secara aktif dalam angkatan tentera atau mengambil bahagian di dalam kemogokan, rusuhan dan kekecohan awam atau pemberontakan Pengionan atau pencemaran oleh radiasi daripada risiko nuklear Perbelanjaan untuk pendermaan organ dan pertukaran jantina Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur, terapi penggantian hormon atau rawatan alternatif Gangguan psikotik, mental atau saraf

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh: Hubungi kami di: 603-2058 3000
 Lawati kami di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>
 Emel kami di: Inquiries.MY@chubb.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans kesihatan dan perubatan anda mesti membayar premium :	
Premium:	RM 100 ke atas setahun untuk seorang Orang Yang Diinsuranskan
Tempoh: sehingga umur 65 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	RM 10 satu polisi
Komisen	10% daripada premium atau RM10
Cukai Perkhidmatan	8% daripada atau RM8

4. Terma-terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan nyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin menghadapi risiko tuntutan anda ditolak atau polisi dibatalkan. Tempoh Menunggu – Perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh kuatkuasa polisi, kecuali untuk punca-punca secara kemalangan. Perlindungan akan berhenti pada tarikh tamat dan Kami sama sekali tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang perbelanjaan yang berlaku selepas tarikh tamat. Pembayaran Bersama Bilik dan Makan Harian yang dinaik taraf – Jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital pada kadar Bilik dan Makan Harian yang lebih tinggi daripada manfaat yang layak, anda akan menanggung 20% daripada manfaat layak yang lain yang dinyatakan di Jadual Manfaat. Pelan Yang Diinsuranskan yang dinaik taraf – Permohonan untuk menaik taraf hanya boleh dibuat pada pembaharuan dan ditakluk kepada pegunderaitan dan penerimaan oleh kami. Tempoh Tangguh – Anda boleh membatalkan polisi dalam tempoh 15 hari dari penghantaran polisi untuk bayaran balik yang penuh, selepas menolak apa-apa perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh kami.
--

- Prosedur untuk membuat tuntutan – Sila maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari kejadian tuntutan dengan semua dokumen yang diperlukan.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda patut rujuk kepada polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang penuh.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi kami notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan, anda berhak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada kadar tempoh pendek untuk tempoh insurans yang belum tamat tempoh melainkan sekiranya kesahan polisi telah melebihi 11 bulan. Tiada bayaran balik premium sekiranya terdapat tuntutan di bawah polisi.